



28 MAR, 2025

JANGKAAN JUALAN CAPAI M1 JUTA

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 3

JANGKAAN JUALAN CAPAI RM1 JUTA

● Program Semarak Syawal dan IMAT bantu rakyat dapatkan bekalan keperluan menjelang Aidilfitri

Oleh Kennedy Corlleus

KENINGAU: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melancarkan Program Semarak Syawal dan Jualan Khas Industri Makanan Asas Tani (IMAT) Sabah bagi membantu masyarakat membuat persediaan menyambut Aidilfitri.

Ia dilaksana melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Timbalan menteri berkenaan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata ia bertujuan membantu rakyat mendapatkan bekalan keperluan harian berkualiti dan berpatutan.

Menerusi program itu, KPKM menyediakan akses langsung kepada produk segar dan berkualiti.

Ia sekali gus memudahkan pengguna mendapatkan hasil pertanian, produk

asas tani, serta barangan keperluan Syawal dengan jaminan kualiti dan harga berpatutan.

“Selain itu, program ini juga memberi peluang kepada usahawan Pasar Tani dan Industri Asas Tani (IAT) menawarkan produk mereka secara langsung kepada pengguna,” katanya pada pelancaran program itu semalam.

Hadir sama Setiausaha Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani KPKM,

Datuk Muhammad Ammir Haron dan Pengarah FAMA Negeri Sabah, Sarman Sidno.

Arthur berkata pelancaran program itu amat bertepatan dengan mengambil kira jangkaan sambutan 1 Syawal pada Isnin (31 Mac).

Antara pengisian program Semarak Syawal termasuk penyampaian promosi Jualan Happy Hour bagi produk IMAT dan ayam

segar, jualan khas seperti Bakul MADANI Raya, Kombo Agro MADANI MyRakyat serta Kombo Bakul Raya dengan potongan harga istimewa.

Selain di Pasar Tani

Kekal Keningau, Jualan Khas Semarak Syawal turut diadakan di 15 lokasi lain seluruh Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

“Program ini melibatkan 487 usahawan dan dijangka

mencatatkan nilai jualan RM1 juta,” katanya.

Antara lokasi utama termasuk Pasar Tani Kinabatangan, Tapak Pasar Tani Sabindo Tawau, Wisma Persekutuan

Sandakan, Pasaraya Econsave Lahad Datu, Perkarangan Milimewa Semporna, Perkarangan Kedai Kien Hiong Ranau, serta Labuan Walk di W.P Labuan.



28 MAR, 2025

JANGKAAN JUALAN CAPAIR M1 JUTA

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



JUALAN: Arthur (dua kanan) menyantuni orang ramai yang tidak melepaskan peluang mendapatkan barang keperluan pada pelancaran Program Semarak Syawal dan Jualan Khas IMAT, semalam.



28 MAR, 2025

JANGKAAN JUALAN CAPAIR M1 JUTA

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

SUMMARIES

Program Semarak Syawal dan IMAT bantu rakyat dapatkan bekalan keperluan menjelang Aidilfitri

KENINGAU: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melancarkan Program Semarak Syawal dan Jualan Khas Industri Makanan Asas Tani (IMAT) Sabah bagi membantu masyarakat membuat persediaan menyambut Aidilfitri. Ia dilaksana melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).Timbalan menteri berkenaan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata ia bertujuan membantu rakyat mendapatkan bekalan keperluan harian berkualiti dan berpatutan.